

## **Kesan Pembelajaran Online di Musim Pandemi Covid-19 Terhadap Perkembangan Akhlak Pelajar**

**Siti Marpuah<sup>1\*</sup>, Mohammad Ghozali<sup>2</sup>, Nur Kholis<sup>3</sup>,  
Syahrudin<sup>4</sup>, Muhammad Najmi Hassan<sup>5</sup>, Lasmi<sup>6</sup>**

<sup>1,5,6</sup>Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia

<sup>2</sup> Fakultas Syariah, Universitas Darussalam Gontor, Ponorogo, Jawa Timur, Indonesia

<sup>3</sup> Fakultas Usuluddin, Adab dan Dakwah, Universitas Islam Negeri Sayyid Ali Rahmatullah, Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia

<sup>4</sup> Fakultas Dakwah, Institut Agama Islam Riyadlotul Mujahidin, Ngabar, Ponorogo, Jawa Timur, Indonesia

\*marpuah@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.02.005>

Received 30 August 2022; Accepted 10 December 2022; Available online 15 December 2022

**Abstrak:** Pandemi covid 19 yang melanda seluruh dunia memberi kesan yang besar terhadap sistem pembelajaran, termasuk di Malaysia. Proses pembelajaran yang dilaksanakan secara online menyebabkan guru mengalami kesukaran untuk mengawal pelajar termasuk adab, akhlak dan tingkah laku mereka semasa belajar. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan pembelajaran secara online terhadap perkembangan akhlak pelajar. Pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik melalui google form. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran secara online di musim pandemi Covid ini memberikan kesan positif dan negatif terhadap akhlak pelajar. Di antara kesan positifnya adalah pelajar dapat mendapatkan pelbagai bahan pembelajaran berkaitan akhlak seperti ceramah agama daripada website yang tersedia. Sedangkan kesan negatifnya terkadang ada sesetengah pelajar yang melayari website tidak baik ketika pembelajaran online dijalankan.

**Keywords:** Pembelajaran *online*, Pandemi Covid19, Akhlak

## 1. Pengenalan

Menuntut ilmu merupakan satu kewajiban dan tuntutan terhadap setiap insan walau dalam apa juga keadaan dan dengan apa cara sekalipun serta perlu dilakukan secara berterusan tanpa batasan masa. Banyak nas syarak yang menekankan akan kepentingan dan kelebihan menuntut ilmu. Antaranya Rasulullah SAW pernah bersabda di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang maksudnya 'Menuntut ilmu adalah merupakan kewajiban ke atas setiap Muslim'. Ilmu juga adalah penentu kehidupan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Tanpanya, kehidupan akan menjadi terumbang ambing dan tidak menentu. Kebiasaannya dalam menuntut ilmu ini pelajar akan terus bersemuka dengan guru yang mengajar, tujuannya supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berlangsung dengan mudah terutama dalam membentuk akhlak pelajar.

Namun demikian keadaan berubah setelah dunia dikejutkan dengan pandemik Covid 19, mahu atau tidak, kaedah pengajaran dan pembelajaran terpaksa berubah daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian. Sekiranya sebelum ini kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini bukanlah medium utama dalam pembelajaran, namun pada ketika ini, kita tiada pilihan lain selain melaksanakannya di peringkat sekolah rendah, menengah sehinggalah di institusi pengajian tinggi sebagai suatu norma atau kelaziman baharu. Dalam pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian, sebagaimana pembelajaran secara bersemuka, akhlak, adab dan etika pembelajaran juga perlulah difahami dan diikuti oleh setiap pelajar bagi memastikan proses menuntut ilmu dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektifnya (Munirah Azman. (2018). Kegagalan menerapkan kefahaman mengenai adab atau etika yang baik semasa sesi pembelajaran secara dalam talian serta keperluan mempraktikkannya akan mengundang suasana tidak harmoni sekaligus akan mengganggu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk itulah kajian ini dijalankan bagi melihat kesan pembelajaran online terutamanya di musim pandemik Covid 19 terhadap perkembangan akhlak pelajar.

### 1.1 Akhlak Dalam Pembelajaran

Akhlak merupakan peradaban atau personaliti bagi seseorang untuk memperkenalkan siapakah diri mereka sama ada baik atau buruk. Akhlak memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita dalam mempamerkan tingkah laku seseorang. Definisi akhlak menurut bahasa ialah yang berasal daripada perkataan 'khuluq' yang bermaksud perilaku, perangai atau tabiat. Manakala dari segi istilah menurut Imam al-Ghazali, akhlak ialah suatu sifat yang tertanam dalam jiwa daripadanya timbul perbuatan-perbuatan tanpa pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu. Ini membawa maksud akhlak adalah sesuatu tindakan secara spontan yang datang dari jiwa manusia yang tidak memerlukan daya pemikiran di dalam melakukan sesuatu tindakan.

Akhlak juga diertikan dengan sesuatu perkara yang telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan manusia tanpa menjerus kepada tindakan akal. Ini membawa maksud apa yang telah di didik oleh kedua ibubapa seseorang sejak dari kecil lagi dengan tindakan yang betul akan membawa pembentukan akhlak yang baik serta dengan cara pemerhatian dan contoh yang baik juga akan membawa pembentukan akhlak yang baik. Begitu juga dengan kehidupan kita, sesiapa yang menunjukkan perilaku yang baik, maka baiklah akhlaknya dan sesiapa yang menunjukkan perilaku yang teruk maka buruklah akhlaknya. Dunia pada masa kini lebih banyak terjerumus dengan media sosial. Segala maklumat boleh didapati dalam laman sosial dan ia juga boleh menghubungkan hubungan yang jauh melalui media sosial. Pelbagai laman sesawang yang boleh dilayari seperti facebook, instagram, twitter, wechat, whatsapp dan lain-lain lagi untuk menghubungkan hubungan silaturrahim manusia tanpa perlu ada di depan mata.

Untuk itu, perlu diperhatikan bagaimanakah akhlak ataupun adab kita semasa mengikuti pembelajaran secara online. Menurut Hasnizam Hashim (2020), di antara adab yang perlu ditanamkan dalam diri pelajar semasa kelas online adalah:

i. Mempunyai niat yang betul dalam menuntut ilmu

Menuntut ilmu merupakan ibadah dan akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT. Justeru, setiap pelajar perlu mempunyai niat yang betul dan ikhlas dalam menuntut ilmu. Setiap pelajar juga perlulah mempunyai kefahaman tentang kepentingan ilmu dalam mencorakkan kehidupannya pada masa akan datang. Niat yang betul dan kefahaman yang jelas tentang perkara ini akan memberi kesan langsung terhadap kesungguhan pelajar tersebut dalam menuntut ilmu di samping memberikan nilai-nilai positif seperti istiqamah, kuat semangat, sabar dan tidak mudah putus asa dalam menghadapi cabaran menuntut ilmu. Dalam erti kata lain, niat yang betul akan melahirkan sikap bersungguh-sungguh dalam setiap usaha yang dilakukan dan pada masa yang sama meyakini bahawa Allah SWT akan memberikan pertolongan dan kemudahan dalam menghadapi setiap cabaran dan kesukaran yang dihadapi.

ii. Memulakan belajar dengan berdoa

Doa merupakan harapan dan manifestasi kebergantungan seseorang individu dengan Allah SWT. Terdapat banyak doa yang telah diajarkan oleh Baginda Rasulullah SAW yang boleh diamalkan ketika hendak belajar atau menuntut ilmu. Sebagai pelajar, berdoa pada setiap kali sebelum mula belajar sepatutnya dijadikan sebagai amalan bagi memperoleh keberkatan, ilmu yang bermanfaat, ketenangan, kemudahan serta kefahaman yang baik dan dijauhkan daripada sifat lupa.

iii. Melakukan persediaan awal untuk pembelajaran

Setiap pelajar perlu memainkan peranan dan bertindak lebih proaktif dan sentiasa berusaha untuk mencari maklumat berkaitan kursus atau subjek yang hendak dipelajari dengan lebih awal serta membuat persediaan sebelum pembelajaran bermula. Dalam menghadapi suasana kritikal seperti ini, pelajar tidak sepatutnya hanya bergantung kepada bahan yang dibekalkan oleh tenaga pengajar semata-mata. Selain itu, sebelum sesi pembelajaran dalam talian bermula, pastikan juga bahawa segala bahan pembelajaran telah disediakan termasuk peralatan yang diperlukan seperti alat pengecas bagi peranti yang digunakan.

iv. Menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran

Bagi pembelajaran secara dalam talian, adalah sukar untuk tenaga pengajar melakukan pemantauan ke atas setiap pelajar terutama sekiranya bilangan pelajar adalah ramai. Setiap pelajar, atas rasa kesedaran dan tanggungjawab sendiri sewajarnya menghargai pengorbanan yang diberikan oleh guru mereka dengan memberikan kerjasama dan tumpuan sepenuhnya terhadap subjek pembelajaran serta menjauhi sikap sambil lewa. Semasa sesi kelas dalam talian sedang berlangsung, usahlah melakukan perkara lain yang tiada kaitan dengan pembelajaran seperti tidur, membuka laman web lain yang tiada kaitan dengan subjek pembelajaran, bersembang dan sebagainya. Perbuatan sebegini mungkin 'berjaya' dan tidak diketahui oleh tenaga pengajar tetapi ketahuilah bahawa perbuatan tersebut sebenarnya hanya akan merugikan diri pelajar itu sendiri.

v. Menepati masa

Bagi membantu kelicinan pembelajaran secara dalam talian, setiap pelajar sewajarnya menepati masa yang telah ditetapkan untuk masuk ke dalam talian dan mengekalkan keberadaan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pelajar juga bertanggungjawab untuk membuat tugas yang diberikan dan menghantarnya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

vi. Berkomunikasi secara baik dan melibatkan diri secara aktif

Sebelum sesi kelas secara dalam talian bermula, pelajar hendaklah menggunakan nama dan gambar sebenar serta perlu memperkenalkan diri apabila diminta untuk berbuat demikian oleh tenaga pengajar

atau guru. Pastikan juga kamera peranti dihidupkan sekiranya ingin berbicara dengan mereka. Sekiranya anda ingin bercakap atau bertanyakan sesuatu, mintalah izin terlebih dahulu serta perkenalkanlah diri anda dan elakkan bercakap serentak dengan pelajar lain pada masa yang sama. Sekiranya semua pelajar bercakap pada waktu yang sama, pembelajaran akan terganggu dan menjadi tidak harmoni.

Pastikan juga mikrofon peranti anda berada dalam mod senyap atau dipadamkan sekiranya anda tidak menggunakannya agar tidak mengganggu pelajar lain. Jika anda ingin turut serta dalam perbincangan secara bertulis dalam *chatbox* umpamanya, perkenalkanlah diri terlebih dahulu dan gunakanlah bahasa yang baik. Elakkan daripada menggunakan bahasa pasar, bahasa rojak, tulisan ringkas atau simbol emoji yang tidak sesuai. Sekiranya anda ingin berhenti sebentar kerana sesuatu sebab, maklumkan di dalam chat box terlebih dahulu. Selain itu, pelajar yang mengikuti kelas pembelajaran secara dalam talian juga perlu melibatkan diri secara aktif dan tidak hanya mendiamkan diri terutamanya apabila berhadapan dengan sebarang masalah pembelajaran. Ucapkanlah terima kasih kepada guru anda selepas sesi pembelajaran secara dalam talian tamat sebagai tanda penghargaan kepada beliau. Pastikan juga anda tidak merakam sesuatu tanpa mendapat kebenaran atau keizinan daripada guru anda terlebih dahulu.

#### vii. Menjaga penampilan diri

Walaupun pembelajaran dilakukan secara dalam talian, pelajar dinasihatkan agar memakai pakaian yang bersesuaian serta berpenampilan kemas. Perlu diingat bahawa pembelajaran secara dalam talian disaksikan oleh ramai orang serta mungkin dirakam dan perkara yang mengaibkan boleh berlaku sekiranya kamera peranti anda dihidupkan secara tidak sengaja atau secara tidak sedar. Pastikan juga latar belakang anda semasa sesi pembelajaran dalam talian berlangsung adalah sesuai serta tiada sebarang bunyi bising yang akan mengganggu. Maklumkan juga kepada rakan ataupun kepada keluarga bahawa anda sedang mengikuti kelas dalam talian supaya mereka mengetahui dan tidak mengganggu anda.

### 1.2 Pembelajaran secara online

Pembelajaran atas talian semasa pandemik merupakan satu kaedah baru dalam pengajaran yang membolehkan pengajar dengan pelajar berkomunikasi melalui atas talian tanpa harus bertemu secara fizikal. Pendekatan ini lebih memberi fokus kepada pelajar, sehingga konsep pembelajaran ini juga dikenali sebagai e-pembelajaran. e-pembelajaran sangat berpengaruh dalam proses perubahan kaedah penyampaian ilmu pengetahuan daripada kaedah pendidikan tradisional ke dalam bentuk alam maya, sama ada kandungan mahupun kaedah penyampaiannya (Mohd Fairuz Jafar, 2020).

Dalam tempoh masa tersebut, para pendidik telah mengambil tindakan dengan melakukan pengajaran dan pembelajaran (pdp) secara dalam talian. Menurut Windhiyana (2020), bahawa pembelajaran dalam talian menjadi medan pembelajaran secara maya dalam membentuk satu komunikasi antara pendidik dan murid. Ezaleila Mustafa (2020) pembelajaran atas talian dapat melahirkan tingkah laku yang positif dalam kalangan pelajar. Sememangnya penggunaan teknologi di peringkat sekolah dan pengajian tinggi telah digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti *e-learning*, *blend learning* dan *mobile learning*. Teknologi yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa memudahkan sesuatu proses PdP serta menarik minat pelajar serta menjimatkan masa.

Namun demikian terdapat juga beberapa cabaran dalam pembelajaran secara online ini iaitu cabaran dalam pembentukan akhlak pelajar. Menurut Abdul Halim (2014) Salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan di dalam negara. Media sosial yang paling diminati oleh pelajar adalah berbentuk hiburan ke arah keseronokan dan tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak

generasi muda hari ini. Bahan hiburan ini diperolehi sama ada melalui Internet, televisyen, majalah hiburan juga radio. Pengaruh hiburan menjadi pilihan utama masyarakat berbanding slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan (Ab. Halim & Zarin, 2004).

Menurut Sohana (2016), perkembangan teknologi ini, selain mempunyai manfaat ternyata ada unsur atau dampak negatif yang disebabkan oleh teknologi dan media sosial itu sendiri, sehingga membawa banyak perubahan. Munculnya isu kemerosotan martabat manusia merupakan akibat dari krisis moral. Krisis moral ini terjadi karena tidak seimbangannya kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi di era globalisasi dengan demikian, sentuhan aspek moral dan akhlak dan budi pekerti menjadi sangat kurang.

Remaja sebagai pengguna terbesar teknologi paling terpengaruh dengan dampak yang timbul, sehingga apabila remaja tidak memperoleh pendampingan, perhatian dan tindak lanjut dari segala hal yang diamatinya, maka akan membahayakan proses penemuan identitas sosialnya. Peran sekolah dan keluarga sangat dibutuhkan oleh remaja untuk mengembangkan identitas social, cara berfikir, cara pandang dan cara merefleksikan nilai-nilai dan norma pergaulan yang ditemui (Bakkar, 2010).

Maka dari itu pelbagai pihak harus ikut campur serta berperanan penting dalam menuntun pelajar supaya mampu membentengi hal-hal negatif media sosial yang dilahirkan oleh perkembangan zaman. Akibat banyaknya kesan negatif yang timbul di kalangan masyarakat tersebut terutama peserta didik, menyebabkan perkembangan teknologi melalui media sosial menjadi hal yang sangat mengkhawatirkan. Dengan bentuk penyimpangan ini memerlukan suatu usaha yang sangat serius untuk mengatasinya, salah satunya adalah melalui Pendidikan Agama Islam.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif dengan hanya melibatkan 159 orang responden yang terdiri daripada pelajar Tahun 1 yang menuntut di UTHM. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik melalui *Google Form* yang diedarkan kepada semua responden melalui group WhatsApp. Setelah semua responden mengisi jawapan, maka pengkaji menganalisis hasil dari jawapan pelajar dengan menggunakan SPSS.

## 3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Setelah berlakunya pandemik, berbeza - beza ideologi dari kalangan remaja dan dewasa dari seluruh dunia ditemukan. Selain itu, pelbagai kegusaran juga timbul apabila ingin melaksanakan kaedah pembelajaran secara atas talian ini. Salah satu kerisauan tersebut adalah bagaimanakah menanamkan akhlak pelajar ini sekiranya pembelajaran dilaksanakan sepenuhnya secara *online*, adakah mereka memberi tumpuan kepada pengajaran yang disampaikan pensyarah atau mereka hanya bermain-main disebalik kelas online ini, memandangkan dalam kelas *Google Meet* hanya tertulis nama pelajar tanpa ada wajah mereka. Bagaimanapun, sebagai umat Islam, kita seharusnya membuat sesuatu keputusan berpandukan seperti yang diajarkan dan Islamnya tersendiri iaitu tetap menjaga keutuhan akhlak pelajar terutama dalam melaksanakan tugas secara atas talian yang diberikan. Walaubagaimanapun, pembelajaran secara atas talian ini menjadikan satu kesukaran untuk guru-guru memastikan bahawa pelajar - pelajar dalam keadaan bersedia ataupun sedang fokus dengan sesi pembelajaran. kerana biasanya pelajar akan menonaktifkan kamera google meet yang ada dalam lektop mahupun telefon bimbitnya.

Berdasarkan hasil analisis data yang telah dilakukan oleh pengkaji, maka berikut ini adalah dapatan kajian berkaitan dengan kesan pembelajaran online di musim pandemik Covid 19 selain terhadap perkembangan akhlak pelajar juga kesan terhadap pengetahuan pelajar itu sendiri.

### 3.1 Kesan Positif pembelajaran online

Pembelajaran online pada dasarnya memberikan kesan yang positif juga kepada pelajar, ini kerana melalui internet pelajar mendapatkan bermacam-macam pengetahuan yang baru, selain itu mereka juga dapat mencari bahan-bahan tugas dari internet. Berikut adalah antara kesan positif pembelajaran online terhadap akhlak pelajar:

- a. Menambah pengetahuan pelajar: melalui pembelajaran secara online, pelajar dapat mencari maklumat yang banyak berkaitan contoh adab dan akhlak yang baik sehingga boleh menjadi ikutan.
- b. Dapat memudahkan guru dalam memberi maklumat kepada pelajar, ini kerana selama pandemik pengajar dan pelajar tidak dibenarkan pergi ke sekolah, untuk itu supaya mereka tetap mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan pembelajaran, guru akan berkongsi maklumat tersebut melalui aplikasi whatApps atau yang lainnya.
- c. Mencari dan menambah rakan: Pembelajaran secara *online* juga membantu pelajar untuk mendapatkan rakan-rakan dari pelbagai pelosok daerah dengan melalui kelas-kelas tambahan atau aktiviti-aktiviti pengayaan, pertandingan dan sebagainya yang kesemuanya dilaksanakan secara dalam talian.
- d. Memudahkan pelaksanaan aktiviti pembelajaran: dalam pembelajaran secara online ini, pengajar dapat terus memberikan aktiviti pembelajaran sama ada penyampaian topik-topik ataupun aktiviti pengukuhan melalui Quiz, ujian, pembentangan tugas serta penghantaran laporan tugas. Ini membantu pelajar menjimatkan kos untuk mencetak tugas yang diberikan dengan hanya menghantar *softcopy* sahaja dan memuatkan naik melalui *platform* yang telah disediakan.
- e. Memudahkan pelajar menyelesaikan tugas: pelaksanaan aktiviti pembelajaran secara online juga banyak membantu pelajar dalam mencari rujukan-rujukan yang akan dijadikan bahan dalam menyiapkan tugas. Di sinilah mereka mempelajari bahawa dunia pendidikan itu terbentang luas tanpa sepadan, walau bagaimanapun semua pelajar diharapkan dapat memanfaatkan kemajuan ini dengan sebaik mungkin bukan menyalahgunakannya.

Selain itu, kaedah pembelajaran atas talian sememangnya lebih mudah digunakan dalam pembelajaran secara maya. Pembelajaran atas talian menjadikan strategi pembelajaran secara elektronik dan digital di mana pendidik dan murid tidak perlu melakukan komunikasi secara bersemuka. Pembelajaran atas talian juga sangat penting supaya kita dapat mengikuti perkembangan kemajuan dunia pendidikan yang moden tanpa meninggalkan nilai-nilai akhlak yang mulia.

### 3.2 Kesan negatif pembelajaran online terhadap akhlak pelajar

Tidak dapat dinafikan bahawa selain kesan positif, pembelajaran secara online ini juga membawa kesan negative terhadap pelajar khususnya akhlak mereka. Pembelajaran atas talian didapati turut mendapat maklum balas yang negatif apabila terdapat sebahagian murid-murid yang tertekan akibat kurang bersedia menggunakan strategi pembelajaran yang berbeza dari sebelumnya. Kesan negatif yang sangat ketara terjadi kepada pelajar di antaranya adalah:

- a. Pelajar meremehkan tugas yang diberikan guru: semasa pembelajaran online dijalankan, biasanya guru akan memberikan tugas untuk melihat sejauhmana kefahaman pelajar terhadap subjek yang telah disampaikan. Namun begitu, memandangkan pelajar tidak dapat hadir ke sekolah maka menjadikan mereka enggan membuat tugas yang diberikan. Ini juga berkaitan dengan akhlak pelajar iaitu mereka tidak mahu mengerjakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin.
- b. Pelajar belum dapat mengawal diri ketika pembelajaran online dijalankan : biasanya ketika pembelajaran berlangsung secara online menggunakan aplikasi Google Meet, pelajar akan menonaktifkan camera mereka sehingga hanya Nampak tulisan nama mereka. Di sini guru tidak dapat melihat adakah pelajar benar-benar mendengar apa yang disampaikan atau leka dengan aplikasi lain yang ada dalam gajet mereka atau lektop mereka.

- c. Membazirkan masa dan lupa masa : ketika pelajar telah menyelesaikan kelas secara online biasanya mereka akan terus sambung untuk melayari aplikasi permainan dalam talian ataupun melihat you tube, ini menjadikan pelajar tidak disiplin, membazir masa bahkan boleh menjadikan mereka malas belajar, untuk itu ibubapa berperanan dalam mengawal penggunaan gajet ataupun lektop anak-anak mereka.
- d. Pelajar terkadang berkata kasar kerana menirukan perkataan yang tidak baik di media sosial : banyak tontonan dalam internet yang menyuguhkan pelbagai jenis hiburan sama ada hiburan untuk kanak-kanak mahupun orang dewasa. Anak sebagai individu yang belum dapat membezakan mana yang baik dan mana yang buruk selalunya akan meniru apa yang mereka lihat, akan mengucapkan apa yang mereka dengar, di sinilah wujud cabaran dalam pembentukan akhlak mereka. Untuk itu perlu bagi ibubapa memilih dan memilah rancangan yang ada dalam internet sesuai dengan anak-anak, supaya mereka dapat dididik semenjak kecil lagi.
- e. Pelajar dapat melihat hal-hal yang kurang baik: dunia tanpa sepadan, menyebabkan semua maklumat sekarang ada di hujung jari. Pelajar dapat melayari semua yang ada dalam internet dengan bebas tanpa ada hadnya, untuk itu pemantauan pelbagai pihak sangat diperlukan untuk mengawal pelajar supaya tidak terjerumus ke dalam hal-hal negative yang dapat merosakkan akhlak mereka.

Untuk itulah, supaya pengajaran dan pembelajaran secara online dapat memberi kesan yang positif kepada pelajar, maka pelbagai pihak perlulah berganding bahu saling membantu dalam mewujudkan generasi penerus yang memiliki sahsiah mulia. Terutama bagi pengajar hendaklah rajin dan sentiasa memberi tunjuk ajar kepada semua pelajar supaya bijak dalam menggunakan internet ataupun apa-apa aplikasi teknologi yang sedang berkembang pada era globalisasi sekarang ini supaya mereka tidak terjerumus ke dalam hal-hal yang tidak kita inginkan. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua terutama dalam mendidik akhlak yang mulia dalam kalangan pelajar.

#### **4. Kesimpulan**

Islam amat menyanjung tinggi setiap usaha yang dilakukan untuk menuntut ilmu. Namun begitu ianya perlulah dilakukan dengan cara yang beradab. Dalam Islam, ilmu dan adab sama sekali tidak boleh dipisahkan bahkan ia adalah saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Tidak ada gunanya jika seseorang pelajar itu memiliki ilmu yang hebat namun tidak mempunyai adab atau etika yang baik. Adab yang baik sebenarnya adalah cerminan atau manifestasi keilmuan seseorang. Semakin tinggi ilmu seseorang itu maka semakin baiklah adabnya dan begitu jugalah sebaliknya. Oleh yang demikian setiap pelajar perlulah memahami, mengambil berat dan mempraktikkan adab belajar yang baik walaupun ianya dilakukan secara dalam talian. Imam Malik bin Anas Rahimahullah sebagaimana yang dinukilkan di dalam Kitab Hilyatul Auliya' pernah mengungkapkan tentang keperluan mempelajari adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu. Sebenarnya pandemik yang berlaku pada hari ini juga, sama ada kita sedar atau tidak sedang mengajar manusia termasuk penuntut ilmu kembali mempraktikkan semua adab dan etika yang baik bukan sahaja dalam pembelajaran namun dalam semua aspek kehidupan.

#### **Rujukan**

- [1] Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. "Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak remaja: Kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar bandar". In Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme. 2004.
- [2] Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. "Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar". Sari, 27, 199-212L. 2014.

- [3] Abdullah @ Kassim Mohamad. "Impak Media Ke Atas Remaja: Satu Analisis Program Maklumat Hiburan di Media Massa". Biro Penyelidikan dan Perundingan Institut Teknologi MARA. 2018.
- [4] Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah. "Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar". <http://www.academia.edu/download/55777874/JURNAL.pdf>. 2010.
- [5] Azizi Yahya. "Membentuk Identiti Remaja". Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd. 2005.
- [6] Ezaleila Mustafa. "Penggunaan laman Sosial dan Impaknya Terhadap Hubungan Persahabatan dalam talian". *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 65-81. 2020
- [7] Fariza Md Sham. "Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani masalah tekanan emosi remaja: fokus kepada memberi perhatian dan kasih sayang". *Journal Al-Hikmah*, 2, 107-117. 2010.
- [8] Fazlinda Ab Halim & Mohammad Siraj Munir Muslaini. *Impak Media Sosial Terhadap Tingkah*". 2018.
- [9] Hamidah Sulaiman. "Pendidikan Islam dan Pengaruh Persekitaran dan Kemajuan: Kesan Kepada Pembentukan Sahsiah". *Jurnal Pendidikan*, 28(1). 2005.
- [10] Hasnizam Hashim. "Adab menuntut ilmu semasa belajar di atas talian". Nilai: Penerbit USIM.2020
- [11] Kaplan, A. ML. "Social media, the digital revolution and the business of media". *International Journal On Media Management*, 1424-1250. 2015
- [12] Mohd Fairuz Jafar. "Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19". *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, 404-410. 2020
- [13] Munirah Azman. "Kesan negatif budaya ikut trend media sosial". <http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/kesan-negative-budaya-ikut-trend-media-sosial1.714782>. 2018.
- [14] Mustafa Kamil Ayub. "Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah". Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd. 1994.
- [15] Putri, Wilga, Nurwati, Nunung & Santos, Meilney. "Pengaruh Media Sosial Terhadap Prilaku Remaja". *Prosiding penelitian dan pengabdian kepada Masyarakat*, 3(1), 1-154. 2016.
- [16] Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat.. Pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>. 2020
- [17] Sohana Abdul Hamid. "Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat". Selangor: Pts Publisher. 2016
- [18] Wan Norina W.H., Zaharah, H., Ahmad, F., Mohamed,Y & Ahmad Arifin, S.)."Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia". *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1). 2013